

# PSM SEBAGAI PENGGERAK POLITIK BARU

## Perlunya “Politik Baru”?

52% daripada pengundi Malaysia telah memilih Pakatan Rakyat dalam PRU 13. Tetapi sekarang kita boleh dengar kritikan di sana-sini terhadap prestasi Pakatan. Ramai masih menyokong Pakatan Harapan tetapi persoalan-persoalan telah timbul.

Kita di PSM tidak selesa dengan beberapa pendirian dan amalan Pakatan Harapan. Antaranya

1. Ketiadaan reformasi institusi untuk mencegah kecenderungan ahli-ahli politik menjadi korup dan menyalahguna posisi mereka untuk mengumpul dana politik.
2. Ketiadaan reformasi institusi untuk menyekat penumpuan kuasa ditangan Menteri Besar dan memperkasakan suara rakyat dalam pentadbiran negeri.
3. Ketidak kesedaran di kalangan Pakatan Harapan bahawa imperialism masih wujud dan terus memindahkan kekayaan yang dicipta di dunia ketifa ke akaun bank 500 syarikat terbesar di dunia.
4. Kecenderungan pemimpin Pakatan Harapan untuk mempromosi perniagaan dalam bekalan keperluan asas kepada rakyat kita (seperti hospital swasta).

Perbedaan dalam pemahaman (world view) telah membawa pendirian yang bertentangan terhadap beberapa isu penting umpamanya –

<b>Pakatan Harapan</b>	<b>Politik Kiri</b>
Menfokuskan 1MDB dan salahguna kuasa / rasuah oleh pihak BN-UMNO	Isu peminggiran rakyat Malaysia harus ditangani sebagai isu utama. Ramai di kalangan masyarakat Melayu luar bandar kkuatir mereka akan diabai jika UMNO ditewas.
Percaya bahawa mempromosikan perubatan swasta adalah satu polisi yang baik untuk memperkembangan ekonomi sesebuah negeri.	Tidak menyokong perniagaan di bidang perubatan. Syor kita adalah untuk membekukan perkembangan hospital swasta.
Memakai jumlah FDI untuk ukur prestasi ekonomi	Taraf hidup B40 harus dijadikan pengukur terpenting untuk prestasi ekonomi negara
Tidak memahami keperluan hentikan “race to the bottom”.	Percaya bahawa negara-negara dunia ketiga harus bergabung supaya perlumbaan ke

<p>Sunyi terhadap isu ini.</p>	<p>bawah dapat dihentikan.</p> <p>Adalah perlu untuk wujudkan sistem pemberian dana politik pada semua parti politik supaya kebergantungan parti-parti kepada golongan terkaya dapat dikurangkan.</p>
<p>Tidak ambil berat terhadap isu ini.</p>	<p>Untuk menyekat tendensi ahli parlimen dan ADUN menjadi korup PSM mengesyorkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- deklarasi asset setiap tahun</li> <li>- 2 penggal sahja untuk Perdana Menteri dan Ketua Menteri</li> <li>- Pengasingan kuasa di mana SPRM dan hakim dipilih oleh jawatankuasa khas dan bukan oleh Perdana Menteri.</li> </ul>
<p>Belum dilaksanakan walaupun berkuasa 8 tahun</p> <p>Dilaksanakan di beberapa DUN di Pulau Pinang.</p>	<p>Pemeriksaan rayat melalui</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pilihanraya tempatan</li> <li>- pilihanraya untuk sebahagian lembaga pengarah syarikat-syarikat GLC</li> <li>- “participatory budgeting”</li> </ul>

### **Adakah rakyat Malaysia sedia menerima Politik Baru?**

Rakyat Malaysia disepit oleh masalah ekonomi. Walaupun KDNK Negara melambung naik, rakyat di lapisan B40 dan M40 tertekan oleh kekurangan peluang kerja, gaji yang rendah, kenaikan berterusan kos hidup kerana perniagaan kemudahan asas (perubatan, perumahan, pendidikan tertiary, dll) dan ketiadaan simpanan yang mencukupi bila mereka berhenti kerja. Negara kaya tetapi rakyat tertekan dengan pelbagai masalah ekonomi.

Adakah rakyat Malaysia di satu tahap di mana mereka akan menerima kritikan kiri terhadap ekonomi kapitalis neoliberal yang mengutamakan kepentingan golongan maha kaya tetapi meminggirkan rakyat biasa? Psm telah lama mengesyorkan

- gaji minima RM 1500
- tabung pemberhentian kerja
- pembekuan perkembangan hospital swasta
- pendidikan percuma hingga ke perengkat kolej dan university

- pensen untuk semua rakyat yang berumur ke atas 70 tahun
- rumah dengan harga RM 50,000 sebuah

Adakah syor-syor seperti ini difahami dan disokong oleh rakyat jelata di Malaysia?

Adakah rakyat kita di satu tahap di mana kita boleh menerangkan pada mereka bahawa negara Malaysia seperti negara dunia ketiga yang lain masih terperangkap dalam sistem global di mana nilai kerja pekerja dan petani di Asia, Amerika Selatan dan Afrika disimpan di paras yang rendah – hanya 10% pada nilai gaji seorang pekerja di Eropah dan Amerika Syarikat (yang buat kerja yang sama)? Bahawa sistem Hak Milikan Intellect telah dan sedang dipakai untuk mewujudkan monopoli untuk teknologi dan ubat-ubat yang baru supaya barangan itu dapat dijual dengan harga yang begitu tinggi? Bahawa kita di Malaysia dan juga dinegara dunia ketiga yang lain harus mencabar ketidakadilan dalam sistem ekonomi global? Bahawa sudah sampainya masa untuk membangkitkan semula semangat Bandung – suatu gerakan Bandung II yang lebih kuat sekarang kerana negara-negara kita telah memperolehi teknologi dan kemahiran dalam 60 tahun yang lalu, dan kami boleh pelajari dan mengelak kesilapan yang dilakukan oleh penggerak Bandung 1955?


Inilah soalan yang menghadapi PSM pada takat ini. Adakah kita sedia bawa analisa ini kepada rakyat Malaysia? Adakah rakyat kita sedia menerima politik baru ini? Bolehkah visi baru ini memberi semangat baru kepada masyarakat kita?

### **Gelombak Perubahan**

Apabila kita menyaksi sambutan yang luar jangkaan untuk Bernie Sanders dan Jeremy Corbyn di negara mereka masing-masing, nampaknya masa untuk mengemukakan satu alternative radical pada sistem kapitalis neoliberal sudah tiba. Adalah jelas bahawa adanya sebahagian signifikan di antara rakyat negara maju yang menolak status quo yang wujud sekarang dan mengharapakan satu perubahan dalam sistem politik dan ekonomi negara mereka.

### **Apakah yang kita dapat pelajari daripada Sanders dan Corbyn?**

Fenomena Sanders dan Corbyn boleh di analisa dari 3 segi.



**Mesej** yang dibawa oleh Sanders dan Corbyn

- Mengimbangkan pengagihan kekayaan negara
- Mencegah kuasa maha kaya terhadap sistem politik dan pentadbiran negara
- Mendedahkan perhubungan pemimpin politik dengan kelas maha-kaya
- Menjaga Alam Sekitar
- Menentang perkauman dan xenophobia
- Menentang militerisma
- Memperkasakan suara rakyat dalam pentadbiran negara
- Memperluaskan demokrasi di sistem politik negara

Saya ingin menarik perhatian ahli PSM bahawa mesej yang digariskan di atas bukan satu gimmick pandai tetapi mengandungi beberapa idea serius. Ia merupakan satu visi masyarakat yang mencabar status quo yang wujud di negara-negara itu. Mesej bukan permainan gaya tetapi mengandungi konsepsi masyarakat yang diasaskan pada solidarity manusia dan demokrasi tulen. Ada ramai yang berespon pada mesej ini di Amerika Syarikat dan di Britain. Ertinya pengundi bukan bodoh dan boleh memikirkan isu-isu yang berat!

### **Media alternative**

Di Amerika Syarikat dan juga di Britain, media massa amat negatif terhadap mesej yang dibawa oleh Sanders dan Corbyn. Ini bukan payah untuk memahami – sistem media massa dimiliki oleh 1% yang maha kaya dan mereka tahu mesej Sanders dan Corbyn adalah bahaya untuk kuasa dan kemewahan mereka.

Pendemokrasian sistem media oleh teknologi baru telah buka ruang untuk menyebarkan mesej radical yang mencabar status quo.

### **Pembawa Mesej**

Bernie Sanders dan Jeremy Corbyn mempunyai imej sebagai ahli politik yang konsisten menyuarakan isu rakyat, berprinsip, hidup secara yang sederhana dan tidak bergantung pada kaum yang maha kaya. Imej sebegini memainkan peranan besar dalam menarik sokongan dan penglibatan ramai orang pengundi terutamanya mereka yang muda yang sebelum itu telah hilang kepercayaan terhadap sistem politik. Imej mereka memainkan peranan penting dalam kejayaan politik yang mereka mencapai.

### **Dua isu penting -**

Jika kita ingin membentang satu program politik baru dengan visi mengambil kuasa dalam 25 tahun kita mesti aturkan strategi untuk mengendalikan dua isu yang penting –

1. Pengendalian **isu agama** yang kini dipakai secara berkesan untuk memecahkan rakyat marhaen. Sudah tentu pihak-pihak yang menentang usaha kita (seperti CIA) akan cuba mengapi-apikan isu agama untuk mengagalkan usaha kita membina satu alternative baru. Ini telah berlaku di Afganistan pada tahun 1970an.

Kita harus memakai 25 tahun yang akan datang untuk membina satu persefahaman berkaitan agama yang diterima oleh majoriti besar rakyat kita supaya isu ini tidak boleh dipermainkan oleh pihak yang ingin gagalkan kita.

2. **Caranya menguruskan ekonomi** Malaysia bila kita ambil alih pentadbiran negara. Malaysia mempunyai perhubungan yang mendalam dengan ekonomi global (pada takat ini eksport Malaysia merupakan hampir 65% KDNK negara). Kita mesti pelajari

- apakah isu-isu ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan Allende pada tahun 1971-1973 selepas kumpulan kiri ambil alih kuasa di negara Chile?

- apakah sebabnya Syriza terpaksa mengukur pada EU dan IMF dan melaksanakan polisi austerity walaupun rakyat negara Greece telah menyuarakan penentangan mereka terhadap program austerity?

- mengapakah wujudnya kekurangan barangan asas di Venezuela pada masa ini?

Adalah tanggungjawab kita sebagai golongan kiri untuk mempelajari isu-isu seperti ini supaya kita dapat memupuk kemahiran di kalangan kita dan aturkan strategi untuk mengatasi cabaran yang sama rupa. Memenang kuasa bukan perkara yang mudah! Tetapi menguruskan ekonomi negara yang berkaitan rapat dengan ekonomi global yang dikuasai oleh 1% yang maha kaya juga merupakan satu cabaran yang besar. Pihak kiri perlu menyediakan diri untuk hadapi cabaran itu juga!

Jadi, ada banyak kerja yang kita harus melakukan! Marilah kita kerja secara yang serius untuk mencapai kejayaan. Mungkin dalam 25 tahun yang akan datang kita akan ditemani oleh beberapa negara lain yang juga berlangkah ke arah kiri seperti kita . Itu akan meringankan masalah-masalah yang kita akan hadapi.